

KENYATAAN

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN

PEMAKLUMAN SISTEM EPEROLEHAN DAN PORTAL PEMBEKAL KESEDAR

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) telah melancarkan Sistem ePerolehan (eP) dan Portal Pembekal sebagai usaha berterusan KESEDAR menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada pembekal / penyebut harga / petender yang berurusan dengan KESEDAR.

Sistem eP KESEDAR yang dilancarkan ini merupakan sistem pengurusan perolehan secara elektronik yang akan menjadi platform bagi syarikat untuk menyertai tawaran perolehan perkhidmatan / bekalan / kerja daripada KESEDAR. Perkhidmatan yang ditawarkan melalui Sistem eP KESEDAR merangkumi pendaftaran / memperbaharui akses, kenyataan tawaran, pembelian dokumen tawaran, penyertaan tawaran, penyerahan dokumen tawaran dan pentauliahkan perolehan sama ada secara tender, sebutharga atau pembelian terus.

Manakala Portal Pembekal merupakan kemudahan tambahan (value added service) yang diberikan kepada pembekal KESEDAR untuk berurusan secara dalam talian berkaitan dengan urusan kewangan dan pembayaran. Kemudahan ini termasuk pengemaskinian maklumat am pembekal, penerimaan pesanan pembelian secara dalam talian, memuat naik dokumen kewangan bagi tujuan pembayaran untuk perkhidmatan / bekalan / kerja yang telah disempurnakan dan semakan status pembayaran.

Pengguna boleh melayari sistem eP KESEDAR dan Portal Pembekal di portal rasmi KESEDAR di www.kesedar.gov.my atau pautan pantas <https://www.tenderwizard.my/KESEDAR> . Sebarang pertanyaan berkenaan sistem eP KESEDAR boleh diajukan melalui e-mail eperolehan@kesedar.gov.my.

SISTEM ePEROLEHAN

PENGENALAN

Sistem e-Perolehan KESEDAR (Sistem eP KESEDAR) merupakan sistem perolehan elektronik yang membolehkan pembekal untuk menawarkan bekalan, perkhidmatan dan kerja kepada KESEDAR melalui atas talian (internet). Ia adalah meliputi tawaran perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus yang akan dikeluarkan oleh KESEDAR.

Sistem eP KESEDAR menggunakan platform Tender Wizard selaku penyedia perkhidmatan (service provider). Perkhidmatan yang ditawarkan melalui Sistem eP KESEDAR adalah meliputi:

1. Pendaftaran pembekal dan pembayaran secara atas talian.
2. Pembelian dokumen tender/ sebut harga dan pembayaran secara atas talian.
3. Memproses dan menyerahkan tawaran tender / sebut harga secara atas talian.
4. Penyaluran maklumat (contoh kenyataan tawaran, pembukaan, keputusan) melalui email yang telah didaftarkan.

PELAKSANAAN

Pada peringkat awal pelaksanaan Sistem eP KESEDAR (secara berperingkat), kenyataan tawaran bagi tender dan sebut harga yang dipaparkan akan menyatakan secara jelas kaedah perolehan samada melalui Sistem eP KESEDAR atau proses manual sedia ada.

Pembekal boleh membuat semakan dari semasa ke semasa ke atas kenyataan tawaran, pembukaan dan keputusan tender/ sebut harga

DAFTAR PEMBEKAL

Pembekal perlulah berdaftar dengan Sistem eP KESEDAR bagi membolehkan pembekal untuk menyertai tawaran tender/ sebut harga yang ditawarkan oleh KESEDAR serta memperolehi kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan.

Pembekal perlu memastikan maklumat yang diisi adalah lengkap dan tepat berserta dokumen sokongan (yang berkaitan) bagi memastikan ketepatan maklumat. KESEDAR berhak untuk disable pembekal yang telah berdaftar sekiranya didapati maklumat yang dibekalkan adalah tidak sah dan tidak tepat.

Setiap pendaftaran adalah sah laku bagi tempoh satu tahun daripada tarikh pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran adalah secara tahunan. Kenaan caj adalah oleh pihak service provider ke atas perkhidmatan yang telah disediakan.

PENJUALAN DOKUMEN TENDER / SEBUT HARGA

Pembekal boleh mendapatkan dokumen perolehan secara atas talian bagi tawaran tender dan sebut harga yang melalui Sistem eP KESEDAR. Harga dokumen tersebut adalah berdasarkan ketetapan yang telah dinyatakan di dalam Kenyataan Tawaran.

PENAWARAN PEROLEHAN

Pembekal yang berjaya menerima tawaran perolehan pembekalan/ perkhidmatan/ kerja melalui Sistem eP KESEDAR, akan dikenakan fi perkhidmatan daripada nilai tawaran tertakluk kepada kadar dan had maksimum yang ditetapkan. Fi perkhidmatan berkaitan adalah kenaan caj oleh pihak service provider ke atas perkhidmatan yang telah disediakan.

KENYATAAN TAWARAN, PEMBUKAAN DAN KEPUTUSAN TENDER / SEBUTHARGA

Pembekal yang telah berdaftar melalui Sistem eP KESEDAR akan menerima pemakluman kenyataan tawaran, pembukaan dan keputusan tender/ sebut harga melalui emel yang telah didaftarkan. Bagi pembekal yang belum berdaftar, kenyataan tawaran tender/ sebut harga boleh disemak melalui laman rasmi KESEDAR.

Sebarang pertanyaan berkaitan Sistem eP Sebarang pertanyaan berkaitan Sistem eP KESEDAR bolehlah diemailed kepada eperolehan@kesedar.gov.my

Bahagian Kewangan

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan

7 Mac 2019

KESEDAR

KELANTAN